



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGARUH DAN KESAN AKTIVITI SEKS SIBER DI KALANGAN
PENGGUNA INTERNET DI MALAYSIA**

SYAMSUL ANUAR BIN ISMAIL

FBMK 2003 6

**PENGARUH DAN KESAN AKTIVITI SEKS SIBER DI KALANGAN
PENGGUNA INTERNET DI MALAYSIA**

SYAMSUL ANUAR BIN ISMAIL

MASTER SAINS

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

2003



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PENGARUH DAN KESAN AKTIVITI SEKS SIBER DI KALANGAN
PENGGUNA INTERNET DI MALAYSIA**

Oleh

SYAMSUL ANUAR ISMAIL

Mac 2003

Pengerusi : Prof. Madya Dr. Md. Salleh Hj. Hassan

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong pengguna Internet di Malaysia melibatkan diri di dalam aktiviti seks siber serta menilai kesan dan pengaruh aktiviti ini ke atas mereka. Kajian ini telah dijalankan ke atas pengguna Internet yang berdaftar sebagai ahli kepada empat kumpulan diskusi Internet yang bertemakan seks di Malaysia. Seramai 303 orang ahli daripada kumpulan tersebut secara sukarela bersetuju menjadi responden kajian dan menjawab soal selidik kajian secara *online*.

Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara tempoh penggunaan Internet untuk tujuan seks siber dengan kesan ke

atas tingkahlaku seksual, hubungan keluarga, motivasi belajar dan motivasi kerja. Hasil kajian juga menunjukkan ciri-ciri interaktif yang dimiliki oleh Internet, kebolehrahsiaan identiti individu atau *anonymity*, keselesaan ketika melayari Internet, kemudahan capaian ke atas bahan-bahan pornografi di Internet menerusi penggunaan WWW, e-mel dan kumpulan diskusi Internet - *newsgroup* serta faktor untuk melepaskan diri daripada tekanan kerja atau belajar telah dikenalpasti antara faktor-faktor yang mendorong pengguna Internet di Malaysia melibatkan diri di dalam aktiviti seks siber ini. Faktor-faktor tersebut juga mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kesan ke atas tingkahlaku seksual, hubungan keluarga, motivasi belajar dan motivasi kerja.

Dari aspek kesan aktiviti seks siber, secara umumnya hasil kajian mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan antara jantina, bangsa, kategori umur, status perkahwinan, kategori responden dan tahap pendidikan dengan kesan aktiviti seks siber ke atas tingkahlaku seksual, hubungan keluarga, motivasi belajar dan motivasi kerja. Walau bagaimanapun hasil kajian mendapati wujud perbezaan yang signifikan antara kategori responden dengan kesan aktiviti seks siber ke atas hubungan keluarga.

Manakala dari aspek tempoh penggunaan Internet untuk tujuan seks siber, hasil kajian menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan antara responden yang masih bujang dan responden yang sudah berkahwin dengan

tempoh penggunaan Internet. Sebaliknya hasil kajian mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan antara jantina, bangsa, kategori umur, kategori responden dan tahap pendidikan dengan tempoh penggunaan Internet untuk tujuan seks siber. Keseluruhan hasil dapatan kajian telah menyokong Model Ketagihan Seks Siber - ACE (*Anonymity, Convenience, Escape*) yang disarankan oleh Kimberly Young.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE INFLUENCE AND IMPACT OF CYBERSEX ACTIVITY AMONG
MALAYSIAN INTERNET USERS**

By

SYAMSUL ANUAR ISMAIL

March 2003

Chairman : Associate Prof. Dr. Md. Salleh Hj. Hassan

Faculty : Modern Language and Communication

This study is to identify factors that led Internet users in Malaysia to involve in cybersex activity. It is also intended to evaluate the influence and impact of this activity to them. This study has been done among Internet users, who has been registered as a members of 4 sex-theme Internet newsgroup in Malaysia. Three hundred three members of these groups volunteered to be the respondent of the study and answered the online questionnaire.

Finding shows a significant relationship between the duration of cybersex's Internet usage and the impact to the sexual behaviour, family relationship, learning motivation and working motivation. This study also

discovered the interactive characteristic owned by the Internet, individual identity anonymity, comfortable while surfing the Internet, easy access to the pornography resources in Internet using the WWW, e-mail and newsgroup, as well as escapism factors from working or learning stress, as factors that led Malaysian Internet users to involve in the cybersex activity. Those factors also show a significant relationship to the impact of sexual behavior, family relationship, learning motivation and working motivation.

Generally from the aspect of the cybersex activities impact, the study shows that there are no significant differences between gender, race, age, respondent category and education level with the impact of cybersex activities on sexual behaviour, family relationship, learning and working motivation. However the study found that there is a significant difference between respondent category with the impact of cybersex activities on family relationship.

Meanwhile from the aspect of the duration for cybersex's Internet usage, the study shows a significant difference between a bachelor and married respondents. Other than that the study show there are no significant difference between gender, race, age, respondent category and education level with the duration of cybersex's Internet usage. Overall result of the study fully support

the Cybersex Addiction Model - ACE (*Anonymity, Convenience, Escape*) by Kimberly Young.



PENGHARGAAN

Melalui kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi perhargaan terima kasih kepada jawatankuasa penyeliaan tesis saya yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Md Salleh Hj Hassan (pengerusi), Prof. Madya Dr Musa Abu Hassan (penyelia utama) dan Encik Abdul Rashid Md Ali yang telah banyak memberi bimbingan, teguran dan tunjuk ajar tanpa jemu dan penuh kesabaran dalam proses penyelidikan tesis saya ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujuhkan kepada rakan-rakan sekerja di Sekolah Pembangunan Sosial terutamanya Puan Rohana Yusof, Prof Madya Mohd Foad Sakdan, Prof Dato'Amir Awang dan saudara Mohd Sobhi Ishak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana memberi kerjasama yang amat baik kepada saya semasa menjalankan penyelidikan tesis saya ini.

Kepada ahli-ahli keluarga, isteri tersayang - Yusrol Mazlinda binti Mohamad Yusop dan anakanda Faris Wajdi terima kasih tiada batasnya atas berkat doa dan pengorbanan kalian selama ini. Setulus doa kупанjatkan ke atas roh kekandaku Allahyarham Mohd Nordin Ismail dan kedua-dua nendaku yang telah pergi meninggalkan kami, moga roh mereka ditempatkan di kalangan orang yang beriman di sisi Allah s.w.t.


Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Syamsul Anuar bin Ismail telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 31 Januari 2003 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Pengaruh dan Kesan Aktiviti Seks Siber Di Kalangan Pengguna Internet di Malaysia" mengikut Akta Universiti Pertanian (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut :-

SITI ZOBIDAH BINTI OMAR, Ph. D.
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

MD. SALLEH BIN HASSAN, Ph.D.
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

MUSA BIN ABU HASSAN, Ph.D.
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ABDUL RASHID BIN MD. ALI, Ph.D.
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)


SHAMSHER MOHAMAD RAMADILI, Ph.D.
Profesor / Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 16 / 1 / 2003

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut :-

MD. SALLEH BIN HASSAN, Ph.D.

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

MUSA BIN ABU HASSAN, Ph.D.

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ABDUL RASHID BIN MD. ALI, Ph.D.

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



AINI IDERIS, Ph.D.
Profesor / Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 12 JUN 2003

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.



SYAMSUL ANUAR BIN ISMAIL

Tarikh : 29/02/08

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI KANDUNGAN	xii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	5
Persoalan Kajian	6
Objektif Kajian	7
Kepentingan Kajian	8
Batasan Kajian	9
Takrifan Istilah	9
2 KAJIAN BAHAN BERTULIS	15
Sejarah Perkembangan Pornografi	15
Definisi Pornografi	17
Bentuk-bentuk Pornografi	19
Perkembangan Pornografi di Internet	20
Keunikan Pornografi di Internet	25
Kesan Pornografi dan Aktiviti Seks Siber Ke Atas Individu	27
Kesimpulan	34
Model Ketagihan Seks Siber – ACE	35
Pembentukan Rangka Teoritikal Kajian	37
Rangka Teoritikal Kajian	39
Hipotesis Kajian	40
3 METODOLOGI KAJIAN	41
Reka Bentuk Kajian	41
Lokasi dan Subjek Kajian	43
Populasi dan Persampelan	47
Rangka Persampelan	48
Pembolehubah Kajian	50
Instrumen Kajian	51
Pengukuran Pembolehubah Kajian	54

Pra-Ujian	55
Pengumpulan Data	57
Penganalisaan Data	59
4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	61
Ciri-Ciri Demografi Responden	61
Penggunaan Internet Oleh Responden	65
Faktor-Faktor Yang Mendorong Pengguna Internet Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Seks Siber	69
Kesan Aktiviti Seks Siber	70
Kesan Aktiviti Seks Siber Ke Atas Tingkahlaku Seksual	71
Kesan Aktiviti Seks Siber Ke Atas Hubungan Keluarga	72
Kesan Aktiviti Seks Siber Ke Atas Motivasi Belajar	73
Kesan Aktiviti Seks Siber Ke Atas Motivasi Kerja	74
Perkaitan Antara Faktor- Faktor Yang Mendorong Pengguna Internet Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Seks Siber Dengan Kesan Ke Atas Mereka	75
Perbezaan Kesan Aktiviti Seks Siber Mengikut Jantina	77
Perbezaan Kesan Aktiviti Seks Siber Mengikut Bangsa	78
Perbezaan Kesan Aktiviti Seks Siber Mengikut Kategori Umur ..	79
Perbezaan Kesan Aktiviti Seks Siber Mengikut Status Perkahwinan	80
Perbezaan Kesan Aktiviti Seks Siber Mengikut Kategori Responden	81
Perbezaan Kesan Aktiviti Seks Siber Mengikut Tahap Pendidikan	82
Perbezaan Tempoh Penggunaan Internet Untuk Tujuan Seks Siber Mengikut Jantina, Bangsa, Kategori Umur, Status Perkahwinan dan Kategori Responden	84
Perbezaan Tempoh Penggunaan Internet Untuk Tujuan Seks Siber Mengikut Tahap Pendidikan	85
Ujian Hipotesis Bagi Pembolehubah Kajian	86
5 RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	90
Ringkasan Kajian	90
Kesimpulan	98
Cadangan Kajian Lanjutan	99
BIBLIOGRAFI	101
LAMPIRAN : BORANG SOAL SELIDIK	111
BIODATA PENULIS	117

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Senarai Kumpulan Diskusi Dalam Egroups	46
2	Respon Jawapan Soal Selidik Yang Diterima Untuk Tujuan Pra Uji	54
3	Ujian Alpha Cronbach	56
4	Respon Jawapan Soal Selidik Secara Online	58
5	Ciri-Ciri Demografi Responden	62
6	Penggunaan Internet Oleh Responden	65
7	Peratus Responden Mengikut Tahap Persetujuan Terhadap Faktor-Faktor Yang Mendorong Mereka Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Seks Siber	69
8	Peratus Responden Mengikut Item Bagi Kesan Aktiviti Seks Siber Ke Atas Tingkahlaku Seksual	70
9	Peratus Responden Mengikut Item Bagi Kesan Aktiviti Seks Siber Ke Atas Hubungan Keluarga	71
10	Peratus Responden Mengikut Item Bagi Kesan Aktiviti Seks Siber Ke Atas Motivasi Belajar	72
11	Peratus Responden Mengikut Item Bagi Kesan Aktiviti Seks Siber Ke Atas Motivasi Kerja	73
12	Perkaitan Antara Faktor-Faktor Yang Mendorong Pengguna Internet Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Seks Siber Dengan Kesan Ke Atas Mereka	75
13	Ujian t Untuk Membandingkan Kesan Aktiviti Seks Siber Antara Jantina	77
14	Ujian t Untuk Membandingkan Kesan Aktiviti Seks Siber Antara Bangsa	78

15	Ujian t Untuk Membandingkan Kesan Aktiviti Seks Siber Antara Kategori Umur	79
16	Ujian t Untuk Membandingkan Kesan Aktiviti Seks Siber Antara Status Perkahwinan	80
17	Ujian t Untuk Membandingkan Kesan Aktiviti Seks Siber Antara Kategori Responden	81
18	Ujian Anova Untuk Membandingkan Kesan Aktiviti Seks Siber Antara Tahap Pendidikan Tertinggi	82
19	Ujian t Untuk Membandingkan Tempoh Penggunaan Internet Untuk Tujuan Seks Siber Antara Jantina, Bangsa, Kategori Umur, Status Perkahwinan dan Kategori Responden	84
20	Ujian Anova Untuk Membandingkan Tempoh Penggunaan Internet Untuk Tujuan Seks Siber Antara Tahap Pendidikan	85
21	Perkaitan Antara Tempoh Penggunaan Internet Untuk Tujuan Seks Siber Dengan Kesan Ke Atas Responden	88

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

1	Rangka Teoritikal Kajian	39
---	--------------------------------	----

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Satu perkembangan yang amat ketara di dunia pada masa kini ialah berlakunya ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan memperlihatkan medium Internet muncul sebagai pemain utamanya. Internet sebagai jaringan komputer terbesar yang menyambungkan nod-nod komputer di seluruh dunia telah membolehkan manusia memperolehi maklumat dan pengetahuan baru melalui Internet dengan hanya menekan papan kekunci di komputer.

Hakikat yang tidak boleh dinafikan bahawa Internet telah menawarkan peluang yang seluas-luasnya kepada sesiapa sahaja yang ingin meneroka dan menguasai ruang siber, menyebarkan maklumat dan pendapat tanpa had, mengalami dan mencipta pengalaman baru, serta memperolehi kemahiran terkini atau memanipulasi kemahiran yang sedia ada (Ramlan, 1998). Cooper, Putnam, Planchon, dan Boies (1999) seterusnya menyifatkan Internet sebagai suatu medium komunikasi yang telah berjaya mempengaruhi dan memberi

definisi baru terhadap pelbagai aspek komunikasi dan permasalahan sosial yang sedang berlaku.

Fenomena penggunaan Internet merupakan satu arus baru dunia yang pantas telah memukau dan menarik perhatian ramai. Keupayaannya dalam menyalur maklumat dengan cepat dan keunikannya sebagai suatu media 'dua dalam satu' yang bersifat interaktif membezakan ia dengan media-media yang lain. Hasil pengintegrasian pelbagai media, Internet kini menjadi alat komunikasi terpenting untuk mengirim dan bertukar-tukar maklumat melalui e-mel, menghantar, mewujud dan membaca mesej-mesej melalui kumpulan diskusi - *newsgroup*, melayari *World Wide Web (WWW)*, menonton siaran berita daripada laman web interaktif CNN atau berborak-borak di bilik *chatting* melalui perkhidmatan *Internet Relay Chat - IRC* (Mohd Zulkifli, 2001).

Kehadiran Internet telah menjana satu bentuk revolusi komunikasi yang mengubah cara dan saluran komunikasi antara individu. Kuasa Internet dalam menyalurkan informasi dan menghubungkan dunia, merentasi benua tanpa mengira batas sempadan negara telah mengubah lanskap budaya serta mempercepatkan lagi penerimaan masyarakat dunia terhadap nilai-nilai sejagat (Heider & Harp, 2000). Malah sesetengah sarjana Barat menyifatkan Internet sebagai suatu medium harapan kepada perjuangan mengenai demokrasi,

kebebasan bersuara dan konsep kesejagatan di kalangan penduduk dunia (Barlow, 1997 dan Pavlik, 1996).

Secara umumnya, populasi *online* - satu istilah khusus yang merujuk kepada komuniti pengguna Internet di seluruh dunia dianggarkan berjumlah 1.47 billion orang dan angka tersebut dijangka meningkat kepada 7.2 billion orang menjelang tahun 2005 malah ianya juga diramal berkembang dengan kadar 40 - 50 % dalam setahun (Casanova, 2000). Sementara itu menurut laporan International Data Corporation (IDC), bilangan pengguna Internet di Malaysia dianggarkan berjumlah 1.89 juta orang pada tahun 2000, malah menjelang tahun 2004 pengguna Internet di Malaysia diramalkan meningkat kepada 3.91 juta orang.

Angka-angka penggunaan Internet ini dengan jelas menunjukkan betapa kuatnya pengaruh Internet pada masa kini. Malah perkembangan terbaru teknologi komunikasi khasnya produk-produk komersil seperti telefon bimbit dan mesin pengurus digital peribadi (PDA) turut dilengkapi dengan ciri-ciri *online* sebagai strategi untuk menarik lebih ramai pelanggan menggunakan Internet.

Namun begitu pembangunan teknologi Internet juga turut tidak terkecuali daripada impak-impak negatif. Antara isu kontroversi yang hebat

diperdebatkan adalah kemunculan elemen-elemen lucah dalam Internet atau dengan istilah yang lebih khusus, ‘pornografi Internet’. Pornografi Internet merupakan antara fenomena baru yang hangat diperdebatkan oleh pelbagai pihak. Pelbagai istilah digunakan oleh para penyelidik yang mengkaji mengenai elemen-elemen pornografi di Internet; *cyberporn* (Ven-Hwei dan Ran Wei, 2000), *cybersex* (Cooper, Delmonico dan Burg, 2000; Schneider, 2000a; Delmonico, 1997), *Internet pornography* (Mahood, Kalyanaraman dan Sundar, 2000), *online sexual addiction* (Putnam, 1999), dan *cyber sexual addiction* (Young, 1999).

Menurut laporan laman web Agenda Malaysia bertarikh 15 Ogos 2001, suatu kajian yang dijalankan oleh syarikat pemantau Internet, NetValue mendapati 41.2% daripada 9,411 laman web yang dilayari oleh pengguna-pengguna Internet di Britain adalah terdiri daripada laman web lucah. Malah dianggarkan kira-kira 3.6 juta daripada 10 juta pengguna Internet di negara itu dikesan sering melayari laman-laman web lucah dengan menghabiskan masa selama 45 minit melayarinya dalam tempoh seminggu. Lebih membimbangkan lagi apabila hasil kajian itu turut mendapati satu perlima dari jumlah tersebut adalah terdiri daripada golongan pelajar dan remaja.

Masyarakat Malaysia juga turut tidak terlepas daripada ancaman moral ini. Suatu kajian awal mengenai sikap dan pengaruh laman web lucah ke atas

pengguna Internet di Malaysia telah dijalankan oleh seorang pensyarah Jabatan Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Rozmi Ismail. Rozmi (2001) dalam kajiannya telah mendapati daripada 200 mahasiswa yang dipilih sebagai sampel kajian, 30% daripada mereka telah mengaku mempunyai tabiat melayari laman web lucah atas alasan ingin melepaskan diri daripada tekanan belajar. Tiga puluh peratus responden pula mengaku bahawa mereka telah melayari laman web lucah bagi tujuan hiburan manakala 20% pula berkata mereka bertindak sedemikian atas ajakan kawan. Selebihnya (20%) mendakwa hanya bertujuan untuk menghabiskan masa lapang.

Pernyataan Masalah

Lebuhraya maklumat yang tersedia untuk diterokai boleh mengikat sebahagian besar masa kehidupan seseorang individu itu kepada Internet. Kajian-kajian yang dilakukan oleh Young (1998, 1999), Davis (2001) dan Schneider (2000a, 2000b) mendapati pengguna-pengguna Internet yang ghairah melayari laman web lucah atau berborak di *channel-channel* erotik seringkali menghadapi masalah hubungan komunikasi dengan ahli keluarga. Malah prestasi kerja dan akademik mereka juga dikatakan semakin merosot ekoran keghairahan melibatkan diri dalam aktiviti seks siber ini. Sementara itu, kajian oleh Cooper et al. (1999) juga turut mendapati individu yang kerap

menggunakan Internet untuk melayari laman-laman web lucah cenderung untuk memuaskan nafsu dengan cara beronani semasa sesi *online* berlangsung.

Sebagai medium komunikasi baru yang mengintergrasikan pelbagai bentuk media yang berasingan ke dalam satu media, Internet sudah pasti menjanjikan keasyikan kepada pelayar web untuk mendapatkan bahan-bahan erotik dan lucah sama ada dalam bentuk gambar, video-video klip atau berborak-borak melalui IRC dan mencari pasangan seks melaluinya. Lebih mendukacitakan lagi elemen-elemen pornografi di Internet lebih sukar dibendung kerana sifat Internet yang begitu bebas berbanding dengan media – media lain yang mudah dikawal melalui penguatkuasaan undang-undang media yang sedia ada. Malah bahan-bahan lucah ini pula boleh diperolehi dengan mudah melalui komputer yang mempunyai sambungan Internet seperti di kafe-kafe siber, di rumah mahupun di pejabat.

Persoalan Kajian

Keghairahan melayari laman web lucah dan berborak-borak dalam *channel-channel* erotik melalui IRC kian memuncak sejak akhir-akhir ini. Ia dibimbangi akan melemahkan minda pengguna Internet dalam menjalani kehidupan seharian mereka. Justeru itu, kajian ini cuba meneroka dan menjawab persoalan-persoalan berikut :-

1. Apakah faktor-faktor yang mendorong pengguna Internet di Malaysia melibatkan diri dalam aktiviti seks siber ?
2. Apakah pengaruh dan kesan aktiviti seks siber ini kepada pengguna Internet di Malaysia ?

Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong pengguna Internet di Malaysia melibatkan diri dalam aktiviti seks siber serta pengaruh dan kesan aktiviti seks siber ini ke atas mereka.

Objektif khusus kajian adalah seperti berikut:-

1. Mengetahui ciri-ciri penggunaan Internet untuk tujuan aktiviti seks siber oleh responden kajian.
2. Menentukan perkaitan antara faktor-faktor yang mendorong pengguna Internet melibatkan diri dalam aktiviti seks siber dengan kesannya terhadap tingkahlaku seksual, hubungan keluarga, motivasi belajar dan motivasi kerja.
3. Menentukan perbezaan kesan aktiviti seks siber di antara jantina, bangsa, kategori umur, status perkahwinan, kategori responden dan tahap pendidikan.

4. Menentukan perbezaan tempoh penggunaan Internet untuk tujuan aktiviti seks siber di antara jantina, bangsa, kategori umur, status perkahwinan, kategori responden dan tahap pendidikan.
5. Menentukan perkaitan antara tempoh penggunaan Internet untuk tujuan seks siber dengan kesan ke atas tingkah laku seksual.
6. Menentukan perkaitan antara tempoh penggunaan Internet untuk tujuan seks siber dengan kesan ke atas hubungan keluarga.
7. Menentukan perkaitan antara tempoh penggunaan Internet untuk tujuan seks siber dengan kesan ke atas motivasi belajar dan motivasi kerja.

Kepentingan Kajian

Kajian penerokaan ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong pengguna Internet di Malaysia terlibat di dalam aktiviti seks siber serta kesan aktiviti seks siber ini ke atas mereka. Justeru hasil kajian ini diharapkan dapat membantu memberi gambaran serta profail mengenai pengaruh dan kesan aktiviti seks siber di kalangan pengguna Internet di Malaysia. Ini sekaligus membantu pihak-pihak tertentu merangka dan mengambil tindakan wajar terhadap fenomena ini.

Dapatkan kajian ini juga diharapkan dapat membantu ahli-ahli akademik untuk meneroka dengan lebih jauh lagi kesan dan implikasi aktiviti seks siber